

VISI SEJARAWI ZIONIS



دنیایی بدون اسرائیل
NO ISRAEL

DR. 'ABD AL-WAHHĀB AL-MASĪRĪ

Diterjemahkan Oleh:
MOHAMMAD SYAFIQ ISMAIL



GLOBAL PEACE
MISSION
 **Malaysia**

Terbit edisi e-buku, Mei 2022
© Angkatan Belia Islam Malaysia

Judul Asal: *Al-Ru'yah al-shbyūniyyah li al-Tārikh*
Pengarang: Dr. 'Abd al-Wahhāb al-Masīrī
Penterjemah: Mohammad Syafiq Ismail
Penyunting dan Transliterasi: Mohd Khairul Anwar Ismail
Reka Bentuk Kulit: Ainatunnadiyah Azizan
Reka Letak Huruf: Muhammad Fateh



ABIM PRESS PLT (LLP0012799-LGN)
No. 6, Jalan TC 2A/2,
Taman Cemerlang
53100 Kuala Lumpur
MALAYSIA

No. Telefon (P): +603-4108 4500
No. Telefon (HP/Whatsapp): +60133916299
No.Faks: +603-4108 2400
Emel: abimpressmy@gmail.com
Laman Sesawang: www.abimpress.com
FB: www.facebook.com/abimpressmy

E-Buku ini diterbitkan dengan kerjasama:



Koleksi E-Buku ABIM PRESS boleh diakses dan dimuatturun
secara percuma di pautan berikut:

<https://tinyurl.com/KoleksiEbukuABIMPRESS>

Atau boleh juga ikuti perkembangan E-buku terkini di
halaman FB Abim Press:



MUQADDIMAH PENTERJEMAH



Atas nama Yang Kasih, daku menulis.

Selawat dan salam, buat kekasih.

Gita puji sesempurnanya bagi Allāh, selama-lamanya, atas kurnia-Nya dan izin-Nya, sesuai ketetapan-Nya yang tersurat, kita selesai melaksanakan khidmat kepada karya Dr. ‘Abd al-Wahhāb al-Masīrī dengan judul asalnya “*Al-Ru’yah al-ṣhyūniyyah li al-Tārīkh*” yang kita terjemahkan *Visi Sejarawi Zionis*.

Karya ini merupakan analisis yang mendalam daripada Dr. al-Masīrī menjelaskan bagaimana zionisme boleh wujud dan memulakan projek politik mereka di tengah-tengah tanah Arab. Beliau berpendapat bahawa zionis berpegang dengan idea imanensi Tuhan dalam bangsa mereka, yang

dengannya menjadikan mereka terasing daripada rakyat dunia, dan segala perbuatan mereka menjadi halal dan mustahil salah.

Kita mengesyorkan sidang pembaca untuk mengulangbaca karya ini untuk benar-benar menggarap idea yang ingin disampaikan al-Masīrī, kerana karya ini merupakan ringkasan falsafah sejarah zionis dan berkait juga dengan epistemologi dan etika zionis.

Idea imanensi Tuhan dalam pemikiran yahudi sememangnya sudah berakar sejak berzaman. Ia menjadi popular dengan pengembangan aliran Kabbalah, seterusnya dalam pemikiran falsafah Spinoza, dan akhirnya mendapat suntikan ‘politik’ melalui tafsiran zionis terhadap keabsahan negara haram mereka. Ulasan Dr. al-Masīrī ini sememangnya membuka mata kita, khususnya bagi pengkaji isu Palestin, tentang bagaimana salahnya dan mistisnya (atau tepatnya – betapa dongengnya) ideologi zionis ini, yang menghalalkan darah anak-anak Palestin hanya kerana sekerat ayat di dalam Taurat yang telah diubahsuai mereka.

Terima kasih kita ucapkan buat pihak ABIM PRESS dan GLOBAL PEACE MISSION atas kesudian menerbitkan dan menyebarkannya secara gratis dan online. Tiada hakcipta yang kita tuntutan di balik terbitan ini, ia bebas diulangcetak dan disebar oleh sesiapa saja, dan digunakan dalam kajian-kajian.

Sesungguhnya tiada apa yang kita miliki melainkan kesalahan dan kesilapan. Sementara seluruh kebaikan itu hanyalah milik Allāh. Sekiranya terdapat sebarang kekurangan dan kesilapan dalam terjemahan ini, mohon segera dimaklumkan agar segera diperbetulkan, kerana tiada kitab yang sempurna melainkan al-Qurʿān.

Allāh Maha Mengetahui.

Syafiq atTauhidi (Mohammad Syafiq Ismail)

7 Syaaban 1443H / 10 Mac 2022M

Maktabah atTauhidi, negeri Sabah alMahmiyah billah.

VISI SEJARAWI ZIONIS



Imanensi (*immanence*) bererti Tuhan berada di dalam seluruh makhluk-Nya ataupun menempati di dalam salah satunya, bersatu dengannya hinggalah kedua-dua entiti ini bergabung menjadi satu. Visi dan pandangan yahudi berkenaan sejarah – menurut saya – merupakan sebuah visi imanensi. Dengan makna para rabbai (yakni agamawan yahudi) memahami bahawa Tuhan telah menempati dalam bangsa yahudi, yang demikian itu menjadikannya bangsa yang terpilih. Seluruh perbuatannya sama ada baik mahupun jahat menjadi perbuatan yang suci, dan sejarahnya juga menjadi sejarah yang suci. Para zionis telah mewarisi visi imanensi ini, yang dimanifestasikan dalam beberapa perkara:

I- MENCAMPURADUKKAN ANTARA ‘SEJARAH MENGIKUT KRONOLOGI’ DAN ‘SEJARAH YANG SUCI.’

‘Sejarah’ yang dinyatakan di dalam al-Qur’ān mahupun kisah-kisah yang dibawa di dalamnya (al-Qur’ān itu) bukanlah sejarah yang mengikut kronologi. Ia merupakan pensejarian dengan tujuan untuk memberi hidayat petunjuk kepada umat manusia. Justeru, kisah-kisah para Nabi – sepertimana yang dinyatakan Dr. ‘Alī ‘Abd al-Wāḥid Wāfī – bukanlah kisah yang lengkap, akan tetapi beberapa peristiwa daripadanya (yang daripada sejarah para Nabi itu) dipilih (dan dinyatakan di dalam al-Qur’ān) kerana ia memiliki makna-makna tertentu; dengan tujuan untuk memperjelaskan ajaran akhlak dan pengajaran lainnya. Daripada sini, (kita) tidak mampu berbicara berkenaan ‘Sejarah Islam’ akan tetapi ‘Sejarah Umat Islam.’¹ ‘Sejarah mengikut kronologi’ inilah medan huru hara, medan naik dan turun (sesuatu bangsa). Adapun ‘sejarah suci’ maka ia adalah sejarah yang misali di mana orang yang berbuat baik akan mendapat ganjaran, orang jahat akan mendapat balasan. Tugas ‘sejarah suci’ ini ialah untuk membekalkan manusia dengan piawai di mana dengannya mereka boleh menilai ‘sejarah kronologi’ secara saksama.

Akan tetapi sebaliknya pula, sebahagian zionis berpendapat bahawa Tuhan telah menempati sejarah (bangsa mereka),

1 Perhatian yang baik daripada Dr. al-Masīrī, kerana Islam sebagai sebuah agama memiliki nilai transedental yang melangkaui garis spatio-temporal. Akan tetapi, yang boleh disejarahkan itu ialah umat Islam dan segala tindak-tanduknya sejak mula pengenalan dakwah Islam melalui Nabi Muhammad *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* 1443 tahun lalu.

justeru bercampurlah sejarah manusiawi yang disusun mengikut kronologi – medan hidayah dan kesesatan – dengan sejarah suci – di mana kehendak Allāh menjelma di dalamnya pada setiap perkara dan perinciannya. Oleh itu kita mendapati zionis berpegang dengan pendapat yang kisah-kisah di dalam Perjanjian Lama – kisah para raja dan suku-suku (yahudi) – merupakan sejarah suci dan kronologi sekaligus. Kita melihat sendiri bagaimana kisah-kisah di dalam Taurat (kitab suci yahudi) dibawakan secara penuh menggambarkan keseluruhan peristiwa-peristiwanya. Misalnya, sejarah para raja yahudi dikisahkan secara penuh bermula daripada naiknya ke atas takhta hinggalah kewafatannya. Tujuannya bukanlah untuk memberi pengajaran atau membekalkan piawai akhlak buat orang yang beriman. Tujuannya ialah untuk menerangkan keseluruhan cerita dan peristiwa, kerana ia merupakan tempat imanensi (Tuhan), yang penting pada zatnya, sepertimana ia juga melangkaui persoalan baik dan jahat. Oleh itu ia (sejarah yahudi) tidak boleh dinilai sebagai baik mahupun jahat.

2- PARA ZIONIS BERBICARA TENTANG MASALAH YAHUDI SEAKAN-AKAN IA MERUPAKAN SATU PERKARA YANG ISTIMEWA.

Mereka berbicara tentang negara yahudi seakan-akan ia tidak memiliki sebarang tandingannya. Holocaust menurut mereka merupakan satu peristiwa istimewa yang hanya menimpa bangsa yahudi sahaja. Agar mereka sampai kepada natijah ini, mereka mengasingkan kesemua peristiwa yang berlaku dalam

lipatan sejarah ini daripada gelanggannya yang sebenar hinggalah ia menjadi sebuah fenomena yang bukan-sejarawi, di mana melalui cara ini, para zionis boleh mengisi makna apa saja yang dikehendaki mereka (pada peristiwa-peristiwa ini). Seterusnya, mereka mempergunakannya dengan cara yang sesuai buat (kepentingan) mereka dan menjadikannya (tafsiran-tafsiran bagi peristiwa-peristiwa ini) berkhidmat untuk kepentingan dan ideologi mereka. Fenomena ini saya namakan sebagai **ikonisme**, di mana peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam lipatan sejarah berubah menjadi sesuatu yang mirip sebuah ikon; manusia menyembahnya kerana ia berubah menjadi tempat imanensi berlaku, Tuhan menempatinya maka iapun berubah menjadi tuhan.

Agar kita mampu memahami seluruh peristiwa ini dengan sebenarnya (tanpa segala tafsiran palsu ini), pada susun aturnya, kronologi dan realitinya, wajib ke atas kita untuk mengembalikan dimensi sejarah manusia (dalam memahaminya). Sekiranya kita melakukan demikian, nescaya akan jelaslah kepada kita bahawa masalah yahudi bukanlah masalah global, akan tetapi ia adalah masalah yahudi Eropah timur, khususnya di Rusia.² Akan tetapi masalahnya pada hakikatnya bukanlah terhad kepada mereka saja, tetapi

2 Bapa zionisme moden ialah seorang wartawan dan pemikir Theodor Herzl (nama yahudi: Binyamin Ze'ev), seorang warganegara Hungary yang berasal daripada Serbia, yang pernah berada di bawah jajahan Empayar Rusia. Pada Muharram 1319H-Mei 1901m, Theodor Herzl telah bertemu dengan Sultan Abdul Hamid II dan berusaha merasuhkannya dengan jutaan lira untuk mendapatkan kelulusan bagi kewarganegaraan yahudi di Palestin, akan tetapi Sultan Abdul Hamid II menolaknya dan mengusirnya daripada majlisnya.

merupakan sebahagian daripada masalah yang dikongsi bersama semua minoriti yang hidup di dalam Empayar Rusia yang disifatkan Lenin sebagai ‘penjara bangsa-bangsa.’

Adapun isu negara yahudi, sekiranya kita bandingkan dengan penempatan (yahudi) lain kita akan dapati bahawa ia merupakan penempatan yang bersifat menjajah, ciri-ciri dan hala tujuanya tidak berbeza daripada penempatan (yahudi) di Afrika Selatan.³

Adapun isu Holocaust, hendaklah kita meletakkannya di dalam kerangka manusiawi dan kronologi yang lebih luas, dan di dalam sebuah rentak (perbuatan) yang diulang-ulang. Ia pada hakikatnya merupakan projek genosid yang dilaksanakan oleh tamadun barat moden, bermula dengan pembasmian penduduk asal di Amerika Utara dan Amerika Selatan, yang berakhir dengan genosid di Vietnam, Chechnya dan Algeria. Dengan cara ini, Holocaust memiliki dimensi *manusia*-nya dan sejarawinya. Mungkin saja, satu ciri khusus Holocaust yang membezakannya daripada peristiwa genosid yang lain ialah ia berlaku di dalam Eropah dan dilaksanakan ke atas penduduk yang berkulit putih, berbeza dengan projek genosid yang lain. Ciri ini dengan sendirinya saja tidaklah bermakna bahawa secara pastinya ia mencipta masalah yahudi di Empayar Rusia atau (mendorong kepada) pembinaan negara zionis

3 Johannesburg pada satu ketika pernah dinamakan ‘jewburg’ kerana penempatan yahudi yang mendadak naik, khususnya yahudi yang datang dari Eropah.

di tengah-tengah Dunia Arab di Palestin, sepertimana juga ia tidak bermakna genosid nazi ke atas yahudi merupakan satu isu yang pasti yang tidak boleh dielak. Mengkaji dan memperhalusi faktor-faktor ini merupakan alat yang boleh dimanfaatkan untuk memahami sejarah sebagai himpunan peristiwa yang pelbagai yang berkongsi faktor yang sama. Agar kita mampu menggarap faktor yang sabit hakiki, menjadi kemestian ke atas kita untuk meletakkan peristiwa-peristiwa yang memiliki kemiripan bergandingan antara satu sama lain di dalam sebuah 'medan' dan wajar untuk kita menyifatkannya dan menamakannya. Serta, perlulah kita merumuskan semacam generalisasi yang akan membantu kita untuk memahami sebahagian peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam lipatan sejarah, dan yang pada hakikatnya berlaku di sekeliling kita. Serta boleh jadi (ia akan membantu kita) untuk meramal beberapa perkara yang bakal berlaku di masa depan (melalui corak dan generalisasi ini).

3- IMANENSI DIJELMAKAN DENGAN BENTUK YANG LEBIH EFEKTIF PADA SATU FENOMENA YANG SAYA NAMAKAN 'KELANGSUNGAN YAHUDI.'

Sekiranya sejarah bangsa yahudi menjadi tempat imanensi kerana Tuhan telah menempatinya (menurut kefahaman mereka), memberinya segala petunjuk, dan melindunginya dengan inayah perlindungan-Nya – kerana bangsa yahudi menjadi bangsa yang terpilih – maka perjalanan sejarah (bagi bangsa ini) sudah diketahui dan telah ditetapkan,

ia mengikuti satu alur yang sama dan bakal selesai pada penghujung yang bahagia sesudah manapun situasi dan sebesar manapun musibah yang menimpa bangsa yang terpilih ini. Alur (sejarah) ini memiliki tiga poin: (1) bangsa terpilih ini hidup kekal di tanah airnya (2) kuasa yang zalim mengusirnya daripada tanah airnya (3) kembalinya mereka ke tanah airnya untuk membina kuil (*baikal*). Alur ini bersifat pasti dan berulang-ulang, ia membentuk sebuah kerangka yang kukuh dan selari dengan dirinya (yakni bangsa yahudi) sendiri, ia tertutup dan terhad pada dirinya sendiri, bercukup dengan dirinya sendiri, ia tidak memiliki sebarang kaitan dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam lipatan sejarah yang benar berlaku dan 'hidup' (yakni melibatkan orang-orang hidup dan bergerak secara organik), serta ia mencapai darjat tertinggi pada penyusunan organisme pada dengan dirinya sendiri (ia bergerak sendiri). Atas sebab itu, ia lebih mirip kepada kisah-kisah dongeng purba. Ia tidak ada bezanya dengan pandangan yunani purba tentang pergerakan sejarah; mereka menganggapnya sebagai sejarah yang berkisar semula dan berputar kembali. Fahaman ini digemari oleh Nietzsche mungkin kerana keabsurdan yang ada padanya, oleh kerana itu dia juga membahaskan mengenai 'kekembalian abadi' (*eternal return*), di mana seluruh kitaran sejarah – hatta pada perinciannya – hingga ke penghujungnya akan kembali berlaku semula.

Sesuai dengan (kefahaman) ini dan bermula dengan idea kelangsungan sejarah (bagi bangsa yahudi), zionis berpendapat bahawa yahudi terdahulu memasuki tanah

Kan‘ān (yakni Palestin) dan menetap di ‘tanah kembali’⁴ mereka. Ia dilangsungkan dengan pemerintahan para hakim dan raja (yahudi), dan inilah yang dinamakan sebagai ‘komanwel yahudi pertama’ atau ‘kuil pertama.’ Setelah itu, tentera Assyria dan Babylon datang mengusir yahudi daripada tanah air mereka di dalam peristiwa yang dinamakan ‘pembuangan Assyria’ dan ‘pembuangan Babylon.’ Bangsa yahudi akhirnya kembali daripada Babylon (ke zion mereka) atas perintah Maharaja Cyrus, dan dengan ini terbentuklah pula ‘komanwel kedua yahudi’ atau ‘kuil kedua.’ Setelah itu, para tentera Seleucid mula menyerang yahudi di tanah air bangsa mereka – Palestin – maka bangkitlah Revolusi Hasmonaeen, yang berakhir dengan kedatangan tentera Rom di bawah pimpinan Titus, di mana kuil kedua ini dirobohkan dan yahudi diusir kembali. Akan tetapi, meskipun mereka diusir sebegini, bangsa yahudi tetap kekal berada di dalam ‘sejarah suci’nya di mana Tuhan telah menempatinya. Kitaran tiga poin – *tanah air > pembuangan > kembali ke tanah air* – ini tidak sempurna melainkan pada tahun 1948 dengan kembalinya bangsa yahudi sekali lagi ke Palestin. Justeru, (menurut tafsiran ini) penempatan zionis merupakan penjelmaan kepada sebuah alur (sejarah) yang berulang-ulang, berterusan, dan sememangnya dijangkakan.

Percubaan telah dilakukan oleh Ben Gurion untuk mengemukakan alasan kepada pembentukan askar bangsa israel dengan kembali merujuk kepada dongeng

4 Yang dinamakan juga Zion, Sion, dan Siyyaun. Ideologi zionisme mendapatkan namanya daripada zion ini.

kelangsungan (sejarah) ini. Dia berkata, “Sesungguhnya tentera Musa, Joshua dan Daud tidak pernah berhenti daripada berperang. Maka demikianlah juga tentera zion – yakni negara Israel – tidak akan berhenti daripada peperangan.” Bahkan, konflik Arab-israel kesemuanya menurutnya merupakan kelangsungan kepada pergelutan yahudi dengan bangsa firaun, bangsa Assyria, bangsa Babylon, dan bangsa Phoenician.

4- IDEA IMANENSI SEJARAH ZIONIS JUGA MUNCUL DI DALAM SATU FENOMENA YANG SAYA NAMAKAN ‘NERACA SEJARAH PALSU.’

Ia mengandaikan bahawa segala kejadian yang menimpa yahudi pada hari ini memiliki keserupaan dengan kejadian yang pernah menimpa yahudi dahulukala, dan ia bergerak dalam alur yang sama. Kita mendapati, misalnya, Chaim Weizmann di dalam pidatonya pada konferens zionis ke-20 pada tahun 1937 menuntut bangsa Arab untuk berganding bahu bersama yahudi, dan mengingatkan mereka bahawa di dalam sejarah keemasan bangsa Arab, dua bangsa ini (yahudi dan Arab) saling bantu membantu di Baghdad dan Cordoba untuk menjaga warisan budaya Arab. Arab menurutnya tetaplah saja sepertimana mereka dahulunya, dan yahudi juga tidak pernah berubah-ubah. Adapun situasi dan konteks sejarawi yang berubah-ubah merupakan perkara kedua yang boleh diabaikan sepenuhnya.

5- IDEA IMANENSI SEJARAH ZIONIS JUGA TELAH MEMBENTUK PETA KESEDARAN ZIONIS.

Ia (idea imanensi itu) menjadikan mereka tidak mampu untuk memahami hak orang lain, kerana bagaimana sebuah bangsa yang suci dan mendewa boleh memahami hak-hak ini. Mereka berpendapat bahawa penjajahan mereka ke atas Palestin bukanlah sebuah jenayah rampasan dan penyembelihan rakyat Palestin. (Menurut mereka) ia cumalah usaha untuk membela diri sendiri, membela hak-hak keyahudian yang mutlak bagi bangsa yang suci ini untuk kembali ke tanah suci mereka. Dengan demikian, segala keganasan dan kehausan zionis terhadap darah tersembunyi di belakang tabir ‘kesucian’ dan ‘imanensi Tuhan.’

Beberapa rabbai terdahulu telah sedia maklum tentang betapa bahayanya idea imanensi ini. Ia menimbulkan keraguan dalam kalangan yahudi dan membawa kepada kelahiran pecahan kumpulan Messianisme Yahudi, mengambil namanya daripada *al-Masih*, yakni al-Masīh Juruselamat yahudi,⁵ yang akan muncul di akhir zaman dan memimpin bangsanya untuk kembali ke zion. Para rabbai

5 Umumnya yahudi tidak mempercayai Nabi ‘Īsā sebagai al-Masīh, juruselamat dan nabi terakhir bagi bangsa mereka. Mereka masih menanti kewujudan al-Masīh hakiki di akhir zaman, dan mereka berbeza pendapat dalam hal ini. Gerakan Messianisme Yahudi menegaskan kedatangan al-Masīh sebagai salah satu tiang akidah, seperti yang dinyatakan Dr. al-Masīrī, yang akhirnya akan memimpin bangsa yahudi ke tanah zion mereka, sekaligus mencabar keabsahan tindakan zionis yang mempercepatkan usaha kembali ke zion tanpa menunggu al-Masīh.

tersebut menegaskan bahawa kembalinya al-Masīḥ – yakni al-Masīḥ yang ditunggu bangsa yahudi – dan zaman al-Masīḥ itu tidak akan sesekali muncul melainkan di akhir zaman – yakni ia berada di luar sejarah (kronologi). Ia tidak akan berlaku melainkan dengan perintah daripada Tuhan. Oleh kerana itu, mereka mengharamkan tindakan pulang ke Palestin dan menuntut daripada bangsa yahudi untuk menunggu dengan sabar dan tidak tergojoh-gapah – di dalam sejarah kronologi – sehinggalah ke waktu yang diingini Tuhan, di mana Dia mengutus al-Masīḥ, sekaligus memutuskan ‘sejarah kronologi’ dan mengembalikan ‘sejarah suci.’ Sesiapa yang menentang kehendak Tuhan dan berpegang kepada kehendaknya sendiri saja, maka dengan itu dia telah melakukan dosa ‘*Dabikat Hakts,*’⁶ yakni ‘mempercepatkan penamat’ dan tidak menunggu (turunnya) kehendak Tuhan. Akan tetapi, zionis datang dan menghapuskan jarak antara sejarah kronologi dan sejarah suci (dengan menjadikannya satu melalui imanensi), dan menjadikan merekalah sebagai tempat imanensi, yang bermakna kehendak mereka mewajibkan kehendak Tuhan, serta mereka telah mengumumkan bahawa perlunya mereka pulang (ke zion – yakni Palestin) kerana mematuhi kehendak-Nya.

Boleh diperhatikan bagaimana para sejarawan baru dan sosiologis kritis di israel telah mula menimbulkan kesedaran sejarawi di dalam ruang lingkup rejim zionis sendiri.

6 Ia dieja dalam bahasa Arab oleh Dr. al-Masīrī الداحيكات هاكتس.

Tindakan-tindakan zionis membuat mereka sedar bahawa Palestin bukanlah tanah dara (yang tanpa penghuninya sebelum kedatangan zionis) dan bangsa Palestin bukanlah satu bangsa yang ghaib, justeru wajib saling bekerjasama dengan mereka. Oleh kerana itu, slogan-slogan zionis yang melawan konteks sejarah seperti ‘Tanah tanpa rakyat’ atau ‘Dari Sungai Nil hingga Sungai Furat’⁷ ini ditarik semula. Kini zionis mula bicara tentang peletakan batas sempadan (negara haram mereka). Idea peletakan batas sempadan ini sendiri merupakan idea yang bersifat sejarawi, adapun (idea) ‘zion’ yang membentuk batu asas (negara yahudi) menurut pandangan zionis merupakan idea yang bertentangan dengan sejarah. Ramai rakyat israel telah mula melihat negara zionis sebagai sebuah negara yang bersandar kepada hak-hak politik semata-mata, bukannya hak secara mutlak ataupun bukannya (bersandarkan) janji Tuhan.

7 Kedua-dua slogan ini digunakan zionis sebagai propaganda untuk menjajah Palestin.

Slogan pertama ‘Tanah tanpa rakyat’ kepanjangannya ialah ‘Tanah tanpa rakyat untuk rakyat tanpa tanah,’ menuduh Palestin kosong dan tidak didiami oleh sesiapa pun justeru menidakkan hak asli rakyat Palestin untuk menetap di tanah air mereka, dan memberi ruang halal kepada yahudi ‘rakyat tanpa tanah’ untuk merampasnya. Dalam bahasa inggeris, slogan ini diterjemahkan ‘*A land without people for a people without land.*’

Sloga kedua ‘Dari sungai Nil hingga sungai Furat’ merupakan klaim yahudi bahawa Tuhan kononnya telah memberikan semua tanah yang terletak di antara sungai-sungai ini kepada Nabi Ibrāhīm dan keturunannya (ruj. Kejadian/Genesis, 15:18-21). Justeru mereka menghalalkan segala tindakan untuk menjajah Palestin dan tanah-tanah Arab di sekeliling Palestin atas ayat ini. Dalam bahasa inggeris, slogan ini diterjemahkan ‘*From Nile to Euphrates.*’

Ze'ev Herzog, salah seorang sejarawan israel telah menulis sebuah kajian yang menjelaskan bahawa dongeng-dongeng di dalam Taurat tidak memiliki sebarang sandaran dan bukti sejarah. Apabila dia ditanya, "Sekiranya dongeng Taurat itu tidak memiliki sebarang bukti sejarah, maka kenapa kamu – yakni rakyat Israel – berada di sini?" Dia menjawab, "Kami berada di sini kerana kami telah berada di sini" – yakni inilah realitinya. Ini merupakan jawapan yang padat. Dia tidak berbicara mengenai senjata dan kekuatan israel, akan tetapi dengan ini dia telah menegaskan bahawa israel merupakan satu realiti politik yang sejarawi, yang tidak memiliki sebarang kesucian. Menurut saya, ini merupakan selangkah ke depan (dalam menyelesaikan krisis ini).

Para zionis pada waktu mutakhir ini telah mengambil bentuk agama yang kental. Mereka menjadikan peluasan zionis sebagai sumber kepada keabsahannya dan asas yang menjadi sandarannya. Akan tetapi, di bawah tekanan realiti semasa dan kerana penentangan yang tanpa hentinya daripada bangsa Palestin, kita akhirnya mendapati wujudnya usaha mengasingkan sejarah suci daripada sejarah kronologi hingga dalam kalangan agamawan. Buat pertama kalinya di dalam sejarah zionis, wakil-wakil rasmi negara israel akhirnya berazam untuk melepaskan secara rasmi kekuasaan negara yahudi ke atas tanah israel seperti yang disifatkan dalam Taurat, tanah di mana – menurut kefahaman mereka – menjadi tempat imanensi Ilahi. Oleh kerana itu, sebahagian zionis yang kuat beragama berpendapat bahawa tindakan negara israel melepaskan kuasa dan pimpinan

ke atas ‘pusat sejarawi (suci)’ bagi tanah israel akhirnya akan menghancurkan asas yang menjadi sandaran kepada keabsahan zionis, maka dengan itu negara israel telah gagal dalam usahanya untuk memanifestasikan kelangsungan sejarawi yahudi.

Allāh Maha Tahu.

Alḥamdulillāh, segala puji bagi Allāh, dahulu, kini dan selamanya, atas penyempurnaan terjemahan bagi karangan Dr. al-Masīrī ini, yang dijudulkan sebagai ‘*Visi Sejarawi Zionis*’, pada isyak 7 Syaaban 1443H, bersamaan 9.3.2022M, di Maktabah at Tauhidi, negeri Sabah alMahmiyah billah, di tangan empunya segala dosa dan ksilapan Syafiq at Tauhidi. Semoga Allāh yang baik menerimanya dan mengumumkan manfaatnya kepada seluruh umat.

